



‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Tuan :
(Your Ref)
Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700-3/1 (6)
(Our Ref)
Tarikh : 19 Julai 2011
(Date)

‘SEPERTI SENARAI EDARAN’

Dato’/Tuan,

PENERANGAN MENGENAI PREMIS DITETAPKAN

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita memaklumkan bahawa terdapat kekeliruan di dalam menentukan premis yang tergolong sebagai Premis Ditetapkan. **Asrama** di Institusi Pengajian, **perpustakaan** di Institusi Pengajian dan **tempat letak kereta** di Premis Kediaman / kondominium adalah merupakan premis yang tidak memerlukan Perakuan Bomba. Ini adalah disebabkan Premis Institusi Pengajian dan Premis Kediaman tidak tergolong sebagai Premis Ditetapkan.

3. Menurut seksyen 27, Akta Perkhidmatan Bomba 1988, sembilan jenis **Penggunaan Premis** menurut **saiz** tertentu yang telah ditetapkan menjadi Premis Ditetapkan. Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998 adalah dirujuk dan disertakan seperti di Lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan adalah dipohon untuk menyemak semula senarai Premis Ditetapkan di negeri tuan-tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia” Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan



Saya yang menurut perintah,

(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Penolong Ketua Pengarah,
Bahagian Keselamatan Kebakaran,
b.p. Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

s.k

YAS Ketua Pengarah
YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Senarai Edaran

1. YS Pengarah, JBPM Malaysia W.P. Kuala Lumpur
2. YS Pengarah, JBPM Negeri Selangor
3. YS Pengarah, JBPM Negeri Johor
4. YS Pengarah, JBPM Negeri Pulau Pinang
5. YS Pengarah, JBPM Negeri Perlis
6. YS Pengarah, JBPM Negeri Kedah
7. YS Pengarah, JBPM Negeri Perak
8. YS Pengarah, JBPM, W. Persekutuan Putrajaya
9. YS Pengarah, JBPM Negeri Sembilan
10. YS Pengarah, JBPM Negeri Melaka
11. YS Pengarah, JBPM Negeri Pahang
12. YS Pengarah, JBPM Negeri Kelantan
13. YS Pengarah, JBPM Negeri Terengganu
14. YS Pengarah, JBPM Negeri Sarawak
15. YS Pengarah, JBPM Negeri Sabah
16. YS Pengarah, JBPM W.P. Labuan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA
AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERINTAH PERKHIDMATAN BOMBA
(PREMIS DITETAPKAN) 1998

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 27 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341], Ketua Pengarah membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 23 Julai 1998.

Premis ditetapkan.

2. Ketua Pengarah telah menentukan bahawa premis yang penggunaan, saiz dan tempat, dinyatakan dalam Jadual hendaklah menjadi premis ditetapkan bagi maksud pengeluaran perakuan bomba di bawah Akta.

Penyampaian penggeraan automatik.

3. Semua premis ditetapkan hendaklah disambung secara elektrik atau melalui telefon ke balai bomba yang paling hampir dengan memirau papan suis untuk mengadakan penyampaian penggeraan dengan serta-merta dan secara automatik dalam hal kecemasan.

JADUAL

PREMIS DITETAPKAN

<i>Penggunaan Premis</i>	<i>Saiz</i>	<i>Tempat</i>
1. Perpustakaan	Lebih daripada 1000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)	Keseluruhan Malaysia
2. Hospital dan Rumah Rawatan	(i) 3 tingkat dan lebih di mana setiap kawasan lantai melebihi 250 meter persegi (ii) 5 tingkat dan lebih	Keseluruhan Malaysia
3. Hotel	(i) Reka bentuk laluan langkan terbuka (a) 4 tingkat dan lebih dengan lebih daripada 50 bilik (b) 6 tingkat dan lebih (ii) Reka bentuk lain – 21 bilik dan lebih	Keseluruhan Malaysia
4. Asrama dan Dormitori	(i) 4 tingkat dan lebih di mana setiap kawasan lantai melebihi 250 meter persegi (ii) 6 tingkat dan lebih	Keseluruhan Malaysia
5. Pejabat	Ketinggian melebihi 30 meter atau 10,000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)	Keseluruhan Malaysia
6. Kedai	2001 meter persegi dan lebih (keluasan jumlah lantai)	Keseluruhan Malaysia
7. Kilang	(i) Satu tingkat 2001 meter persegi dan lebih yang terpasang sistem semburan automatik (ii) 2 tingkat di mana setiap lantai dibina sebagai ruang berasingan, pembinaan tunggal atau teres Melebihi 1000 meter persegi (keluasan jumlah lantai) (iii) 3 tingkat dan lebih (iv) Kilang Bertingkat Pembangunan Blok Pendekatan Langkan Terbuka 2 tingkat dan lebih di mana setiap ruang melebihi 7000	Keseluruhan Malaysia

	meter padu	
	(v) Struktur Khas –	
	(a) Kompleks kilang seperti kompleks kasar minyak sawit, kilang penapis minyak, kerja simen, dll	
	(b) Proses berbahaya	
8. Tempat Perhimpunan	(i) Bangunan tanpa sistem penyaman udara pusat 2000 meter persegi dan lebih	Keseluruhan Malaysia
	(ii) Bangunan dengan sistem penyaman udara pusat melebihi 1000 meter persegi atau dengan muatan 1000 orang dan lebih	
9. Storan dan Am	(i) Struktur tempat letak kereta bawah tanah melebihi 1000 meter persegi	Keseluruhan Malaysia
	(ii) Lebih daripada 7000 meter padu	
	(iii) 2 tingkat dan lebih dengan lebih daripada 1000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)	

Dibuat 9 Julai 1988

[KPKT (S) 01/840/1(A); PN (PU²) 471/II]